

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN
KOMPLEKS ISLAM DARULNAIM, LUNDANG
15200 KOTA BHARU
TEL: 09-7481512 / 7445957 FAX :09-7485512 / 7444393

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia **[keutamaan kepada peranakan Negeri Kelantan]** yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

1. (a) **Jawatan** : **Pegawai Tadbir Gred N41
(Pegawai Pematuhan)**
- (b) Klasifikasi : Pentadbiran dan Sokongan (N)
(c) Kumpulan : Pengurusan dan Profesional
Perkhidmatan
(d) Taraf Jawatan : Kontrak
(e) Jadual Gaji : Gred N41
- | | | | |
|--|--------------|---------------|-----------|
| | Gaji Minimum | Gaji Maksimum | Kadar KGT |
| | RM2,080.00 | RM9,546.00 | RM225.00 |
- (f) Skop bidang tugas i. Bertanggungjawab memastikan perlaksanaan semua dasar, polisi MAIK dipatuhi,
ii. Meningkatkan kefahaman dan kepatuhan pegawai dan kakitangan MAIK terhadap peranan serta tugas mereka kepada MAIK dan masyarakat,
iii. Merancang, melaksanakan dan menilai aktiviti pematuhan di MAIK,
iv. Menasihati pengurusan dalam aspek integriti dan ketidakpatuhan,
v. Mengumpul, menganalisa dan menilai data pemantauan dan pematuhan di peringkat bahagian dan unit serta menyediakan laporan,
vi. Memastikan pematuhan kepada arahan/ peraturan/ undang-undang yang berkuat kuasa pemantauan berterusan terhadap semua bahagian dan unit, dan
vii. Menyediakan khidmat nasihat dan sebagai pakar rujuk dalam pembangunan dan penambahbaikan berkaitan Standard Operating Procedure (SOP) yang sesuai dalam setiap proses kerja MAIK.

Syarat Lantikan:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,080.00); atau
 - (ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,283.43).
 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
 3. Keutamaan diberikan kepada calon-calon berikut;
 - i) Ijazah dalam bidang Undang-undang/ Pentadbiran Perniagaan/ Perakaunan atau bidang yang setara. Kelayakan profesional atau pensijilan yang berkaitan dengan fungsi pekerjaan akan menjadi kelebihan tambahan
 - ii) Prestasi perkhidmatan yang cemerlang dan bebas daripada rekod tindakan tatatertib;
 - iii) Melepassi proses tapisan keputusan SPRM;
 - iv) Pengalaman bekerja tidak kurang daripada lima tahun; dan
 - v) Mengikuti Program CelO (Program Pegawai Integriti Bertauliah – dalam jangka masa tidak melebihi dari dua tahun dari tarikh lantikan)